

# Pelajar baharu UMSKAL serlah bakat menyanyi

UB 6.9.2018 B1  
PELAJAR baharu Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) bagi Sesi Pengambilan Akademik 2018/2019 menyerlahkan bakat pada Majlis Malam Penutupan dan Persembahan Bakat Minggu Suai Mesra (MSM).

Majlis yang diadakan di Dewan Utama pada malam Khamis itu membuktikan kehebatan pelajar baharu dalam bidang nyanyian dan tarian serta bermain alat muzik.

Majlis itu yang bermula jam 8 malam dimeriahkan lagi dengan persembahan nyanyian oleh Pengarah

UMSKAL Prof Madya Dr Murnizam Haji Halik dan Timbalannya Prof Madya Dr Geoffrey Harvey Tanakinjal yang juga Pengarah MSM Sesi 2018/2019.

Turut hadir, Timbalan Pendaftar Kanan UMSKAL Zamri Haji Mohamad Tuah, Timbalan Dekan

Fakulti Kewangan Antarabangsa Labuan (FKAL) Dr Suzilah Sidek, Ketua Sektor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) Nur Iman Reedzal dan Ketua Pengarah PSM MSM Ke-24 Steve Andey Lee Shiang Yang.

Dalam ucapannya, Lee berkata majlis itu diadakan untuk memberikan ruang dan peluang

kepada pelajar baharu menunjukkan bakat mereka dalam bidang seni budaya.

Katanya, menerusi program itu juga membuktikan pelajar baharu dari seluruh negara mempunyai kebolehan dan bakat terpendam yang sewajarnya diketengahkan ke peringkat lebih tinggi.

"Ternyata ramai pelajar baharu mempunyai kebolehan menyanyi, menari dan



**PELAJAR** perempuan gembira dengan nyanyian dan tarian yang dipersembahkan rakan mereka.

bermain alat muzik yang mampu menyumbang sesuatu kepada seni dan budaya di UMS Labuan," katanya.

Pelajar baharu terhibur dengan persembahan rakan mereka selain persembahan

tetamu kehormat pada majlis itu.

Malam Persembahan Bakat juga diadakan untuk merapatkan lagi hubungan antara pengurusan UMSKAL dengan pelajar baharu dan PSM ke-24.

Persembahan tarian pula menampilkan pelbagai jenis tarian dan pakaian kebudayaan suku kaum di Sabah dan Sarawak sekali gus memperkenalkannya kepada pelajar dari Semenanjung.

**PENGARAH UMSKAL** turut menghiburkan pelajar baharu.



**PELAJAR** baharu menunjukkan bakat dalam bidang nyanyian.

